

KEMPEN KETENTERAAN MUGHAL ERA AURANGZEB KE TIMUR INDIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

THE MUGHAL MILITARY CAMPAIGNS IN EASTERN INDIA DURING THE REIGN OF AURANGZEB: A LITERATURE REVIEW

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari*

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Maryam Afifah Sabri

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Corresponding Author's Email: mozaha@ukm.edu.my*

Article History:

Received : 6 February 2026

Accepted : 5 March 2026

Published : 13 April 2026

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Ashari, M. Z. A. H. & Sabri, M. A. (2026). Kempen Ketenteraan Mughal Era Aurangzeb Ke Timur India: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal 'Ulwan*, 11(1), 46-55.

ABSTRAK

Ketika era pemeritahan Aurangzeb (1658-1707), Kerajaan Mughal giat menjalankan kempen perluasan wilayah, antaranya ke wilayah timur India. Kempen ini dilakukan untuk mengukuhkan lagi penguasaan pengaruh dan dominasi politik Mughal di sebelah timur memandangkan terdapat ancaman yang wujud di situ, khususnya daripada puak Ahom. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kempen ketenteraan Mughal era Aurangzeb ke wilayah timur India berdasarkan kepada beberapa kajian terdahulu. Reka bentuk kajian ini ialah kajian sejarah dengan menggunakan metode kualitatif dalam proses pengumpulan dan analisis data. Dapatan kajian menunjukkan tinjauan literatur untuk isu yang dibincangkan dapat dipecahkan kepada tiga isu utama, iaitu biografi dan pengalaman politik Aurangzeb, kempen ketenteraan Mughal era Aurangzeb ke seluruh wilayah India dan kempen ketenteraan ke wilayah Timur India sepanjang sejarah keberadaan Kerajaan Mughal. Ketiga-tiga isu yang disusun berdasarkan analisis tematik ini memberikan maklumat awal berkenaan cabaran dan usaha Kerajaan Mughal dalam mengukuhkan dominasi politik di kawasan timur India menerusi gerakan ketenteraan.

Kata kunci: kerajaan Mughal, kempen ketenteraan, Aurangzeb, puak Ahom; timur India

ABSTRACT

During the reign of Aurangzeb (1658-1707), the Mughal Empire actively pursued territorial expansion, including campaigns into the eastern regions of India. These campaigns were undertaken to further consolidate Mughal influence and political dominance in the east, particularly in response to existing threats in the area, notably from the Ahom polity. Accordingly, this study aims to examine the Mughal military campaigns to eastern India during the Aurangzeb era based on several previous scholarly works. The research adopts a historical study and employs qualitative methods for data collection and analysis. The findings indicate that the literature survey on the subject can be categorised into three main themes: the biography and political experience of Aurangzeb; Mughal military campaigns across the Indian subcontinent during his reign; and the military expeditions into eastern India throughout the history of the Mughal Empire. These three themes, organised through thematic analysis, offer preliminary insights into the challenges faced and efforts undertaken by the Mughal state in strengthening its political domination in eastern India through military initiatives.

Keywords: *Mughal Empire, military campaigns, Aurangzeb, Ahom polity, eastern India*

1.0 PENGENALAN

Kerajaan Mughal berada pada kemuncak kekuasaan semasa era pemerintahan Aurangzeb (1658-1707). Malah, era Aurangzeb turut menyaksikan gerakan ketenteraan Mughal diarah ke wilayah yang terletak yang lebih fokus pada perluasan wilayah dan penyebaran Islam mahu memperluaskan pengaruhnya ke seluruh India, termasuk ke kawasan timur laut yang lebih terpencil. Salah satu wilayah yang menarik minatnya adalah Assam iaitu sebuah wilayah yang dikuasai oleh kerajaan Ahom pada ketika itu. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang dan kehidupan Aurangzeb sebagai pemerintah Kerajaan Mughal dan pergerakan kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam. Perbincangan dalam bab ini akan membentangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, tinjauan literatur dan kesimpulan.

Di samping itu, kekuasaan Banu Marin turut meluas di kawasan Afrika Utara dan al-Andalus. Banu Marin pernah meletakkan kedua-dua buah kerajaan sezamannya iaitu Banu Hafs dan Banu Zayyan di Afrika Utara di bawah penguasaannya. Selain itu, Banu Marin turut terlibat dalam urusan politik al-Andalus apabila membantu Kerajaan Nasriyyah di Granada menghadapi ancaman tentera Kristian (Shatzmiller, 2000). Malah, Banu Marin pada suatu ketika pernah bertapak dan menguasai sebahagian kawasan selatan al-Andalus iaitu di Gibraltar. Walau bagaimanapun, kekalahan dalam suatu perang pada tahun 1340M di tangan pihak Kristian memaksa tentera Banu Marin meninggalkan bumi al-Andalus. Kegemilangan kerajaan ini diteruskan dengan perkembangan dan pencapaian dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakatnya seperti pengurusan pentadbiran, perkembangan pendidikan dan kesusasteraan, kerancangan aktiviti ekonomi dan

pengekalan budaya masyarakat yang utuh. Namun demikian, kematian Sultan Abu 'Inan Faris (1348-1358M) dilihat sebagai titik permulaan kepada kemerosotan Banu Marin (Bosworth, 2004). Pelbagai masalah yang timbul sama ada masalah dalaman dan luaran telah menjadi faktor kepada kelemahan Banu Marin. Kekacauan politik dan pentadbiran dianggap faktor penting kepada kejatuhan Banu Marin yang akhirnya menyebabkan kepimpinan di kawasan *al-Maghrib al-Aqsa* dipegang oleh golongan lain pada tahun 1465M. Walau bagaimanapun, sejarah telah mencatatkan bahawa Kerajaan Banu Marin sebagai sebuah kerajaan Islam di al-Maghrib yang turut menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam.

Kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam pada akhir abad ke-17 merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah konflik antara Kerajaan Mughal dan Kerajaan Ahom. Di bawah pemerintahan Aurangzeb, Kerajaan Mughal berusaha untuk memperluas kuasa mereka ke wilayah timur laut India, khususnya ke wilayah Assam yang merupakan sebuah wilayah yang kaya dengan sumber alam termasuk hasil pertanian yang subur dan hasil hutan yang berharga serta berada di kedudukan yang strategik. Aurangzeb yang memerintah dari 1659 hingga 1707 mempunyai visi yang jelas untuk menakluk kawasan-kawasan di luar India utara yang dianggap sebagai kawasan penting untuk meluaskan kerajaannya. Wilayah Assam yang pada masa itu diperintah oleh Kerajaan Ahom telah menjadi sasaran utama bagi Kerajaan Mughal yang ingin mengukuhkan kedudukan mereka di wilayah timur India.

Perang antara Kerajaan Mughal dan Kerajaan Ahom bermula dengan ketegangan yang timbul akibat percubaan Kerajaan Mughal untuk menguasai wilayah Assam. Perang ini bukan sahaja melibatkan pertempuran ketenteraan, tetapi juga dipenuhi dengan taktik diplomatik dan pengaruh politik. Singha (2022) dalam kajiannya mengenai *The Ahom-Mughal Conflicts with Speacial Reference to the Battle of Saraighat* menekankan bahawa satu daripada pertempuran yang paling terkenal dalam konflik ini ialah Pertempuran Saraighat (1671), dengan tentera Ahom yang dipimpin oleh Lachit Borphukan berjaya menewaskan tentera Mughal. Pertempuran ini bukan sahaja penting dari segi ketenteraan, tetapi juga menunjukkan ketahanan dan semangat juang masyarakat Ahom dalam mempertahankan tanah air mereka daripada ancaman luar.

Singha (2022) juga menonjolkan taktik ketenteraan yang digunakan oleh kedua-dua belah pihak dalam mempertahankan dan menyerang termasuk penggunaan sungai sebagai laluan utama dalam pertempuran. Kerajaan Ahom dengan kelebihanannya dalam menggunakan medan geografi yang berbukit dan berair telah berjaya memanfaatkan kelemahan tentera Mughal dalam menyerang kawasan tersebut. Pada masa yang sama, Kerajaan Mughal menggunakan kekuatan besar mereka untuk cuba menawan wilayah Assam tetapi mereka menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan geografi tempatan yang asing bagi mereka.

Ray (2024) dalam bukunya, *The Ahom-Mughal Conflict* telah menggariskan konflik ini bukan sahaja berkisar pada pertempuran fizikal, tetapi juga mencerminkan perjuangan budaya dan identiti antara kedua-dua buah kerajaan. Kerajaan Mughal dengan kekuasaannya yang lebih besar dan berpusat di Delhi berusaha untuk menguasai bukan sahaja secara ketenteraan tetapi juga dalam aspek pengaruh agama dan budaya. Sementara itu, Kerajaan Ahom telah mempertahankan bukan sahaja wilayah mereka tetapi juga nilai-nilai tempatan yang telah lama

bertahan dalam masyarakat Assam. Ray (2024) juga menjelaskan walaupun Mughal memiliki kuasa yang besar, kekalahan mereka di Saraighat membuktikan kekuatan ketenteraan sahaja tidak cukup untuk menguasai sebuah wilayah dengan keunikan budaya dan kekuatan tempatan yang kuat seperti Assam.

2.0 CAKUPAN HOLISTIK KAJIAN

Ray (2024) menghujahkan Aurangzeb telah mengarahkan Mir Jumla II untuk menyerang wilayah Koch Bihar dan Assam untuk memulihkan semula kekuasaan Kerajaan Mughal di timur India. Berikut merupakan kenyataan yang dipetik daripada penulisan Ray (2024): “*Following his accession and consolidation of his power, Mughal Emperor Aurangzeb ordered Mir Jumla II to attack Koch Bihar and Assam to restore Mughal authority in eastern India*”.

Selain itu, hal ini juga disebabkan oleh wilayah ini mempunyai kepentingannya dari segi geografi dan ekonomi serta ancaman dari kebangkitan kuasa tempatan yang tidak tunduk pada kekuasaan Kerajaan Mughal. Maka bertitik tolak daripada kenyataan Ray (2024), kajian ini dilakukan untuk mengkaji kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam. Penulisan ini mengemukakan dua persoalan, iaitu: (a) bagaimanakah latar belakang dan kehidupan Aurangzeb sebagai pemerintah Kerajaan Mughal; dan (b) bagaimanakah kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam digerakkan? Justeru, penulisan ini juga bertujuan untuk: (a) meneliti latar belakang dan kehidupan Aurangzeb sebagai pemerintah Kerajaan Mughal; dan juga (b) menganalisis pergerakan kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam.

Metodologi kajian merupakan kaedah atau pelaksanaan yang dijalankan oleh pengkaji bagi mencapai objektif kajian yang telah diatur untuk sebuah kajian. Metodologi kajian ini membantu pengkaji dalam menyusun atur strategi bagi melaksanakan kajian. Pelaksanaan metodologi kajian ini mampu membentuk struktur kajian yang lebih terarah dan lebih strategik agar matlamat kajian yang ditentukan dapat dicapai. Secara keseluruhan kajian ini menjalankan kaedah kualitatif dengan memfokuskan kepada tiga perkara iaitu reka bentuk kajian, pengumpulan data dan penganalisan data:

i. Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan bagi kajian ini ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ialah proses mengumpul data melalui wawancara dan pembacaan bahan rujukan dari buku, artikel dan jurnal. Menurut Ahmad Munawar (2020), dalam hal ini, ukuran dalam bentuk *numerical* tidak berlaku. Apa yang menjadi fokus adalah aspek penceritaan yang berkualiti, yang tersusun daripada tema-tema dari teori-teori yang telah diuji dan pandangan pandangan dari pengalaman konteks itu sendiri. Instrumen utama pendekatan ini dalam memperoleh data adalah temu bual walau bagaimanapun analisis dokumen seperti buku, data-data dari maklumat peribadi seperti diari, minit- minit mesyuarat, artifak, gambar dan lain-lain yang bersifat peribadi juga boleh digunakan. Data dan fakta yang diperoleh dianalisis secara analitikal dan dipersembahkan mengikut gaya dan bentuk

naratif. Antara contoh reka bentuk penyelidikan kualitatif ialah kajian arkib, analisis kandungan, kajian sejarah, etnografi dan juga biografi.

ii. Pengumpulan Data

Data-data yang diperolehi oleh pengkaji melalui pelbagai sumber. Antaranya data diperolehi dari pembacaan buku, artikel dan jurnal. Selain itu, bagi memperolehi artikel dan jurnal pengkaji memilih untuk melaksanakan kaedah kepustakaan menerusi laman web perpustakaan dan lain-lain. Dalam kajian ini, data yang dikumpul adalah berkaitan dengan kempen ketenteraan Aurangzeb dalam misi penaklukan ke wilayah Assam. Bermula dengan biografi kehidupan Aurangzeb sehingga usaha akhir beliau dalam menjayakan misi penaklukan ke wilayah Assam. Antara laman web yang menjadi sumber utama pencarian dan pengumpulan data kajian ini ialah laman web Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Google Scholar, UKM e-Repository, e-Sumber PTSL UKM, ResearchGate, Academia, SAGE Journal, J-stor, Sci-Hub, Ebscohost, Z Library dan Internet Archive.

iii. Penganalisan Data

Langkah seterusnya dalam melaksanakan kajian adalah analisis data. Data yang dikumpul akan dianalisis secara kritikal. Dalam kajian ini, analisis data akan dilakukan keatas penceritaan dalam data-data yang dikumpul yang dikenali sebagai analisis naratif. Sebuah analisis kritikan luaran dan dalaman juga akan dilaksanakan bagi melihat kerelevanan dan ketepatan kajian.

3.0 ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur ialah ulasan atau analisis kajian-kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian yang sedang dijalankan. Antara maklumat yang akan diproses dalam kajian literatur ini ialah artikel, jurnal, prosiding, buku dan yang seangkatan dengannya yang berkaitan dengan tajuk kajian. Tujuan utama kajian literatur ini dijalankan adalah untuk memberi pemahaman secara umum berkaitan tema-tema yang akan dijalankan oleh pengkaji semasa kajian dijalankan. Justeru itu, melalui kajian literatur bagi kajian Kempen Ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam ini akan menjelaskan tiga tema utama iaitu biografi dan pengalaman politik Aurangzeb, kempen ketenteraan Mughal era Aurangzeb dan kempen ketenteraan Mughal ke wilayah Assam.

3.1 Biografi Dan Pengalaman Politik Aurangzeb

Sumber primer yang digunakan dan menjadikan rujukan utama dalam tema ini ialah *Muntakhab al-Lubab* karya Khan (1870), sebuah karya yang mengandungi naratif pensejarahan Mughal era pemerintahan Aurangzeb. Selain itu, buku *Ālamgīr al-Awwal Aurangzēb Imbrātūr al-Hind al-Kabīr* yang ditulis oleh A.D. Ahmad Muhammad al-Jawarneh juga menjadikan rujukan utama. Buku ini menceritakan dengan terperinci tentang kehidupan Aurangzeb sehingga kematiannya pada tahun

1707 M. Dalam aspek politik dan pentadbiran pula, Aurangzeb dikatakan sangat cekap dan hebat dalam mengendalikannya apabila beliau berjaya mendominasi kekuasaannya ke atas wilayah-wilayah di India. Hal ini dapat dibuktikan melalui penulisan Schimmel (2004) yang bertajuk, *The Empire of the Great Mughals: History, Art and Culture* yang mengatakan bahawa Aurangzeb diiktiraf sebagai antara pemerintah Kerajaan Mughal yang hebat. Bahkan kehebatan Aurangzeb ini juga disifatkan setaraf dengan pencapaian Akbar, pemerintah Mughal yang ketiga. Namun begitu, karya Schimmel (2004) ini tidak menceritakan tentang biografi Aurangzeb secara mendalam.

Sumber lain yang turut menyumbang kepada kajian ini ialah buku *Anecdotes of Aurangzib and Historical Essays* yang ditulis oleh Sarkar (1917). Perbincangan dalam buku ini telah memuatkan tentang biografi Aurangzeb semenjak zaman kelahirannya pada 24 Oktober 1618. Buku ini turut memerihalkan tentang kehidupan kanak-kanak Aurangzeb yang dikatakan seorang yang berani kerana berani menghadapi pertempuran yang dikenali sebagai *The Elephant Combat*. Hal ini turut dapat dibuktikan dalam penulisan al-Thaqāfi (2020) yang bertajuk *Hayāt al-Sultān al-A'zam Aurangzīb 'Ālamgīr* yang menyebut gelaran Aurangzeb sebagai singa yang berani, singa yang garang, imam yang unggul dan merupakan salah seorang daripada gergasi dalam islam yang meruntuhkan takhta-takhta golongan sesat di seluruh wilayah kerajaannya.

Selain itu, kehidupan Aurangzeb juga dikatakan agak diskriminasi terhadap golongan bukan Islam terutama selepas pelantikannya sebagai seorang pemerintah Kerajaan Mughal. Menurut Richards (1993) dalam karya beliau yang bertajuk, *The Mughal Empire*, Aurangzeb memerintahkan agar semua kuil-kuil yang baru dibina atau dibaiki dirobohkan kerana ianya bertentangan dengan syariat Islam. Cukai juga turut dikenakan kepada pelancong yang melancong ke tempat suci Hindu. Akan tetapi, Shashi Tharoor, seorang ahli politik India berhujah bahawa pemusnahan kuil tersebut dalah bermotifkan politik dan bukannya atas dasar agama.

Namun begitu, penulisan Richards (1993) ini ditentang oleh Truschke (2017) dalam buku beliau yang bertajuk, *Aurangzeb: The Life and Legacy of India's Most Controversial King*. Menurut Truschke (2017), ramai pengulas telah menyebarkan mitos palsu tentang kejahatan Aurangzeb terutama berkaitan pembunuhan berjuta-juta penganut Hindu dan kemusnahan beribu-beribu kuil. Beliau menegaskan lagi bahawa 'fakta' ini tidak disokong oleh bukti sejarah. Hujah ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Zaman dan Ahmad (2023) dalam penulisan yang bertajuk, *Reevaluating the religio-political policies of Aurangzeb Alamgir: A critical insight from Indian historians*. Menurut mereka, Romila Thapar, seorang ahli sejarah India yang terkenal menyatakan Alamgir pada awalnya mengarahkan tenteranya untuk merobohkan kuil, tetapi kemudiannya dia menarik semula arahnya itu. Malahan, beberapa kuil juga telah dibina semasa pemerintahannya.

Akhir sekali, Nor dan Ashari (2017) dalam artikel yang bertajuk, 'Kemelut politik Mughal pada penghujung era pemerintahan Shah Jahan' pula menyentuh tentang permusuhan di antara Dara Shikuh dan Aurangzeb dalam hal-ehwal politik. Hal ini kerana, Dara Shikuh dan Aurangzeb dilihat sebagai tokoh yang berpontesi untuk menggantikan Shah Jahan. Namun begitu, kedudukan Dara Shikuh sebagai putera sulung kepada Shah Jahan serta hubungan rapat beliau dengan bapanya itu meletakkan beliau sebagai calon utama sebagai pengganti bapanya. Akan tetapi,

dalam penulisan Ashari et al. (2020) yang bertajuk, 'Peranan putera raja dalam tadbir urus Mughal: tumpuan terhadap Awrangzib', Aurangzeb telah berjaya menaiki takhta sebagai pemerintah Kerajaan Mughal pada 21 Julai 1658. Aurangzeb dikatakan berjaya menghapuskan saingannya iaitu adik beradiknya sendiri termasuk Dara Shikuh disebabkan oleh kebijaksanaannya dalam menjalankan strategi untuk menghadapi perebutan takhta Kerajaan Mughal yang berlaku antara adik-beradiknya, iaitu Dara Shikuh, Shah Shuja' dan Murad. Pengalaman Aurangzeb sebagai gabenor di wilayah Deccan telah memberinya kelebihan dalam perebutan takhta yang sedang berlaku.

3.2 Kempen Ketenteraan Mughal Era Aurangzeb

Bagi melengkapkan kajian ke atas tema ini, antara sumber yang digunakan ialah *Aurangzeb's approach applied in the Mughal military campaign involving the Deccan region: A literature review* yang ditulis oleh Ashari et al. (2024a). Artikel ini membincangkan berkenaan perihal Aurangzeb telah berjaya mengatasi ancaman di wilayah Deccan apabila beliau berjaya mengalahkan Bijapur dan Golconda serta menangani ancaman berterusan daripada Maratha. Dalam penulisan Ashari dan Harun (2024) yang bertajuk, 'Ke arah hegemoni politik Mughal: Analisis gerakan ketenteraan Awrangzib ke wilayah Deccan' turut menyatakan untuk menjayakan kempen ketenteraan ke wilayah Deccan, Aurangzeb menghantar tentera Mughal seramai 80,000 orang bagi mengepung Bijapur. Selain daripada kepungan tersebut, Aurangzeb turut mengarahkan serangan artileri secara berterusan ke kubu selatan Bijapur. Setelah itu, Aurangzeb telah memimpin sendiri tentera Mughal menuju ke Golkonda dan mengepung kota tersebut selama lapan bulan. Kepungan tersebut telah berjaya menyekat sebarang bekalan dari luar untuk sampai ke dalam kubu Golkonda. Akibatnya, kota Golkonda berjaya ditawan oleh tentera Mughal pada 21 September 1687M akibat pengkhianatan tentera Golkonda sendiri yang tidak tahan dengan kepungan berterusan daripada tentera Mughal

Selain itu, artikel yang bertajuk, 'Ancaman terhadap kekuasaan politik Mughal di India era Awrangzib: Satu penelitian sejarah' dan ditulis oleh Ashari et al. (2024b), Aurangzeb turut mengarahkan gabenornya di Bengal, iaitu Shaista Khan untuk memerangi puak Magh disebabkan ancaman perluasan kuasa yang sekian lama wujud daripada puak Magh. Akhirnya, tentera Aurangzeb berjaya menawan Chittagong pada tahun 1666. Dalam penulisan Chatterjee (1967) yang bertajuk, *Bengal in the Reign of Aurangzib (1658-1707)*, beliau mengatakan selepas Chittagong berjaya ditawan oleh Kerajaan Mughal, nama Chittagong ditukar kepada Islamabad. Penderitaan rakyat di sana khususnya golongan petani yang ditahan sebagai hamba lanun telah dibebaskan dan ianya merupakan satu anugerah yang tidak ternilai kepada rakyat Bengal.

Sumber seterusnya ialah *A critical overview of the historical works of Ahom: Mughal period, C1500-600* yang ditulis oleh Ashraf (2020). Penulisan ini menganalisis secara kritis sumber sastera untuk kajian Assam pada abad ke-16M hingga ke-17M termasuk kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam. Aurangzeb telah menghantar Raja Ram Singh untuk menawan Gauhati, namun serangannya berjaya dipatahkan oleh tentera Ahom yang berada di bawah pimpinan Lachit Barphukan.

3.3 Kempen Ketenteraan Mughal Ke Wilayah Assam

Kajian literatur yang digunakan untuk melengkapi tema ini antaranya ialah penulisan Bhattacharyya (1929) yang bertajuk, *A History of Mughal North-East Frontier Policy: Being a Study of the Political Relation of the Mughal Empire with Koch Bihar, Kamrup and Assam*. Kajian ini mengatakan pada tahun 1636, konflik Ahom-Mughal bermula semula dengan pertempuran di Sualkuchi, sebuah daripada kota di wilayah Assam. Peperangan yang tercetus pada awal tahun 1636 ini melambangkan permulaan fasa baharu dalam fasa politik Ahom-Mughal setelah berdamai selama 21 tahun. Peperangan ini akhirnya dimenangi oleh Kerajaan Ahom yang berjaya menawan Sualkuchi dan merampas pelbagai harta rampasan perang. Nath dan Tripathi (2024) memerihalkan dalam penulisannya yang bertajuk *Ahom acquisition of war booty: A study of Mughal talwars in the Museums of Assam*, antara harta yang dirampas ialah pedang Talwar yang merupakan senjata pedang utama infantri Mughal. Nath dan Tripathi (2024) turut menyatakan permulaan kepada peperangan adalah disebabkan ekspedisi ketenteraan yang dijalankan oleh gabenor Mughal di Bengal iaitu Qasim Khan terhadap Kerajaan Ahom yang dipimpin oleh Syed Hakkim dan Syed Aba Bakr pada tahun 1615.

Di samping itu, Ray (2024) juga memerihalkan dalam karyanya, *The Ahom-Mughal Conflict* tentang kejayaan ekspedisi tentera Mughal dalam menguasai Barnagar (ibu kota lama Kamrup), Hajo dan Kajali pada November 1615. Ekspedisi ini terdiri daripada kira-kira sepuluh ribu tentera berkuda dan infantri, 200 musketeer, serta armada 300 kapal perang telah diketuai oleh Sayyid Abu Bakr. Peperangan ini berlaku disebabkan oleh Kerajaan Ahom yang telah menolak tuntutan Kerajaan Mughal terhadap wilayah mereka serta menghalang perdagangan haram yang dilakukan oleh Kerajaan Mughal di dalam wilayah Ahom.

Selain itu, dalam penulisan tesis doktor falsafah Ali (2002) yang bertajuk *Perso-Arab relations with Assam and their impact of Assamese language*, beliau menghujahkan Shaikh Alauddin Chisty atau lebih dikenali sebagai Islam Khan, *Viceroy* Mughal Bengal (1608-1613) telah mengirinkan pasukan yang besar untuk menyerang Kamrup, sebuah daripada daerah di wilayah Assam. Pasukan tentera ini telah dipimpin oleh Shaikh Kamal dan dibimbing oleh Raja Raghunath, manakala Mukkram Khan telah dipilih sebagai ketua komander pasukan tentera tersebut. Menurut Roy (2024) dalam artikel yang bertajuk, *Islam Khan's military strategy: The key to Mughal supremacy in the Koch territories*, objektif utama dalam kempen ini adalah untuk menguasai sepenuhnya kawasan Kamrup yang kaya dengan sumber daya.

4.0 KESIMPULAN

Kempen ketenteraan Aurangzeb ke wilayah Assam merupakan salah satu usaha besar dalam memperluaskan pengaruh Kerajaan Mughal di timur laut India. Walaupun memiliki kekuatan ketenteraan yang besar dan strategi perang yang teratur, kempen ini tetap menghadapi pelbagai cabaran seperti rintangan geografi, taktik perang gerila oleh Kerajaan Ahom serta isu logistik yang kompleks. Keazaman Aurangzeb dalam menegakkan pengaruh Mughal di Assam akhirnya menemui kesukaran apabila tentera Mughal menghadapi kesulitan untuk

mengekalkan kawalan jangka panjang di wilayah tersebut. Kegagalan ini menunjukkan faktor geografi, ketahanan tempatan, serta kepimpinan strategik dari Kerajaan Ahom memainkan peranan penting dalam mempertahankan kedaulatan wilayah mereka. Walaupun kempen ini tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, ia tetap mencerminkan cita-cita dan keinginan Aurangzeb dalam memperluaskan pengaruhnya serta keteguhan pihak lawan dalam mempertahankan tanah air mereka. Secara keseluruhannya, kempen ini menjadi pengajaran tentang batas keupayaan ketenteraan dalam menghadapi cabaran alam dan semangat perjuangan masyarakat setempat. Secara tidak langsung kajian ini juga dapat membantu para penyelidik akan datang dalam mencari sumber ilmiah berkaitan proses ketenteraan era Aurangzeb dengan lebih mendalam.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan 'Sejarah Ketenteraan dan Tamadun Islam' menerusi Geran Universiti Penyelidikan GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Ashari, M. Z. A. H. A. & Sabri, M. A. Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ali, I. (2002). *Perso-Arab relations with Assam and their impact on Assamese language*. Tesis Doktor Falsafah. Gauhati university.
- Ashari, M. Z. A. H. & Harun, M. I. H. M. (2024). Ke arah hegemoni politik Mughal: Analisis gerakan ketenteraan Awrangzib ke wilayah Deccan. *e-Proceedings of 7th International Seminar on Philosophy, Civilisations, Ethics, and Islamic Turath (i-STET): Sustaining Islamic Heritage, Upholding Philosophy, Spearheading Civilizations and Immers in Culture*, hlm. 56-60.
- Ashari, M. Z. A. H., Harun, M., Jamsari, E. A., Muttaqin, A., Ahmad, M., Nasir, B. & Safiai, M. H. (2024a). Aurangzebs approach applied in the Mughal military campaign involving the Deccan region: A literature review. *International Journal of Advanced Research*, 12(10), 26-30.
- Ashari, M. Z. A. H., Nor, M. R. M., Jamsari, E. A., Ahmad, M. Y. & Noh, N. C. (2020). Peranan putera raja dalam tadbir urus Mughal: Tumpuan terhadap Awrangzib. *Al-Hikmah: Journal of Islamic Dakwah*, 12(2), 115-136.

- Ashari, M. Z. A. H., Safian, N. L., Nor, M. R. M. & Resad, I. S. M. (2024b). Ancaman terhadap kekuasaan politik Mughal di India era Awrangzib: Satu penelitian sejarah. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 47-59.
- Ashraf, A. (2020). A critical overview of the historical works of Ahom: Mughal period, C1500-1600. *Journal of Critical Reviews*, 7(12), 4903- 4915.
- Bhattacharyya, S. N. (1929). *A History of Mughal North-East Frontier Policy: Being a Study of the Political Relation of the Mughal Empire with Koch Bihar, Kamrup and Assam*. Calcutta: Chuckerverty, Chatterjee & Co. Ltd.
- Chatterjee, A. (1967). *Bengal in the Reign of Aurangzib, 1658-1707*. Calcutta: Progressive Publishers.
- Khan, K. (1870). *Muntakhab al-Lubab*. Jil. 1. Calcutta: Asiatic Society of Bengal.
- Nath, S. & Tripathi, A. (2024). Ahom acquisition of war booty: A study on Mughal talwars in the Museums of Assam. *Ancient Asia*, 15(1), 83-96.
- Nor, M. R. M. & Ashari, M. Z. A. H. (2017). Kemelut politik Mughal pada penghujung era pemerintahan Shah Jahan. *Jurnal Usuluddin*, 45(1), 27-60.
- Ray, S. (2024). *The Ahom-Mughal Conflict*. New Delhi: Vivekananda International Foundation.
- Richards, J. F. (1993). *The Mughal Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Roy, V. (2024). Islam Khan's military strategy: The key to Mughal supremacy in the Koch territories. *The Social Science Review: A Multidisciplinary Journal*, 2(4), 250-256.
- Sarkar, J. (1917). *Anecdotes of Aurangzib: Translated Into English with Notes and Historical Essays*. Calcutta: MC Sarkar & Sons.
- Schimmel, A. (2004). *The Empire of the Great Mughals: History, Art and Culture*. London: Reaktion Books.
- Singha, S. (2022). The Ahom Mughal conflicts with special reference to the Battle of Saraighat. *London Journal of Research in Humanities and Social Sciences*, 22(20), 61-66.
- al-Thaqāfī, Mu'īn ad-Dīn al-Qādirī (2020). *Ḥayāt as-Sulṭān al-A'zam ash-Shaykh al-Imām Aurangzeb 'Ālamgīr*. al-Qahirah: Universiti al-Azhar.
- Truschke, A. (2017). *Aurangzeb: The Life and Legacy of India's Most Controversial King*. Redwood City: Stanford University Press.
- Zaman, A. & Ahmad, M. (2023). Reevaluating the religio-political policies of Aurangzeb Alamgir: A critical insight from Indian historians. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 13(2), 120-133.